

NO SOALAN :78**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 06.03.2018****Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa syarikat daripada 8 yang telah menunjukkan minat telah menyerahkan tender atau cadangan muktamad dalam tender projek Bandar Malaysia. Bilakah keputusan tender tersebut akan diumumkan.

JAWAPAN

Tuan yang di-Pertua,

Syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) yang kini telah diletakkan di bawah naungan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah pemaju utama untuk pembangunan projek Bandar Malaysia. Seperti yang tertera di laman sesawang Kementerian Kewangan, proses

permohonan cadangan (*Request for Proposal*, dengan izin) untuk pembangunan projek Bandar Malaysia telah dibuka kepada syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat untuk terlibat sebagai pemaju induk projek tersebut. Antara lain, kriteria yang ditetapkan adalah pembida perlulah dari kalangan syarikat "*Fortune 500*" dan mampu menjana perolehan tidak kurang RM50 bilion secara kumulatif untuk tiga tahun berturut-turut

Tuan Yang Dipertua,

Sebagaimana yang diumumkan sebelum ini, lapan syarikat yang menepati kriteria yang ditetapkan telah menyatakan minat untuk menjadi pemaju induk bagi projek Bandar Malaysia. Pada masa ini proses penilaian secara komprehensif sedang dilakukan bagi memastikan hanya syarikat yang benar-benar layak dan memenuhi segala kriteria dipilih dalam pembangunan Bandar Malaysia. Adalah dijangkakan keputusan tender tersebut akan diumumkan dalam masa terdekat.

SOALAN (79)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 06 MAC 2018
[SELASA]

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]

SOALAN :-

Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan atas alasan apakah Kerajaan membenarkan delegasi Israel datang ke Malaysia dan menghadiri World Urban Forum (WUF) pada 7-13 Februari 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

191

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyertaan Israel adalah berdasarkan jemputan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), melalui agensinya iaitu Program Penempatan Manusia PBB (UN-Habitat) selaku penganjur WUF9.

Surat jemputan kepada Israel, yang ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif UN-Habitat, adalah selaras dengan Host Country Agreement yang ditandatangani oleh organisasi berkenaan dan Malaysia. Artikel III dari Perjanjian tersebut antaranya menyatakan, bahawa penyertaan dalam Forum itu dibuka antara lain kepada keseluruhan keanggotaan PBB dan mana-mana Agensi Khususnya (Specialized Agencies). Host Country Agreement ini adalah syarat bagi mana-mana persidangan PBB untuk diadakan di luar mana-mana ibu pejabat PBB yang sedia ada.

Adalah ditekankan bahawa tidak seperti surat jemputan kepada negara-negara yang lain, surat jemputan kepada Israel tidak ditandatangani oleh mana-mana pegawai Malaysia. Oleh itu, tohmahan bahawa Malaysia secara senyap-senyap mewujudkan hubungan dengan Israel melalui penganjuran Forum ini adalah tidak timbul sama sekali. Pendirian Malaysia terhadap Israel tetap tidak berubah. Apa jua pernyataan sebaliknya hanya sekadar membuktikan niat jahat dan berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Suka diingatkan bahawa WUF9 ini telah dikelolakan dengan jayanya dan diakui oleh pelbagai pihak sama ada dari dalam mahu pun luar negara. Forum ini telah meningkatkan profil Malaysia dan mempamerkan pencapaian Malaysia dalam mempromosi, menyuara dan melaksanakan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda). Ia juga menyaksikan penyertaan seramai 36,241 orang, dengan 165 negara telah terlibat yang turut diwakili oleh 100 orang Menteri dan Timbalan Menteri mereka.

Sepanjang WUF9 berlangsung, sebanyak 833 aktiviti telah dilaksanakan meliputi Pameran Perbandararan WUF9, Program Persidangan, WUF9

Urban Village, Pertemuan Dua Hala, Lawatan Teknikal, Karnival Kendera Saji (Food Trucks) dan KL World Urban Run. Paling penting dimaklumkan ialah pada sesi Pertemuan Dua Hala pada 9 Februari 2018 (Jumaat), saya telah menerima kunjungan daripada Delegasi Palestin yang antara lain menghargai komitmen Kerajaan Malaysia dalam isu pembebasan Baitulmaqdis, selain cadangan untuk mengadakan kerjasama dalam hal berkaitan pengurusan sisa pepejal.

Penganjuran WUF9 ini juga telah memberi impak positif terutamanya kepada ekonomi negara dan secara tidak langsung dapat menjana industri pelancongan melalui penglibatan para peserta dari 165 negara ini. Adalah dianggarkan bahawa impak ekonomi bernilai RM184 juta telah terjana daripada acara selama 7 hari ianya berlangsung. Jumlah ini berdasarkan kepada anggaran resit pelancongan daripada aspek penginapan, makan-minum dan juga membeli-belah serta kos langsung dan tidak langsung daripada aktiviti yang terjana sepanjang tempoh penganjuran. Semua rakyat Malaysia seharusnya bangga dengan kejayaan negara menganjurkan Forum yang berprestij dan penting ini.